



MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
(Minister of Science, Technology and Innovation)

MOSTI.YBM:600-1/04/08/2020()

24 Ogos 2020

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

**SOKONGAN BAGI PENUBUHAN KONSORTIUM SUKARELAWAN BANGSA ANGKASA
(SPACEVIO: VOLUNTEER INVOLVING ORGANISATIONS FOR SPACE)**

Didoakan semoga Tuan/Puan berada dalam keadaan sihat sejahtera dalam melaksanakan tugas harian.

Dengan hormatnya, izinkan saya menarik perhatian Tuan/Puan mengenai perkara di atas. Saya dimaklumkan Konsortium Sukarelawan Bangsa Angkasa merupakan satu pertubuhan sukarelawan yang terdiri dari Persatuan Astronautik Malaysia (AstroX), Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), MiSI (Malaysia Space Initiative) dan Apadilangit yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan generasi belia di dalam aktiviti dan projek-projek sukarelawan yang berkait dengan sains, teknologi dan inovasi serta bidang angkasa.

Saya juga dimaklumkan konsortium ini akan bekerjasama dengan pihak Planetarium Negara bagi menjayakan 'Minggu Angkasa Sedunia' pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu, saya menyokong dan tiada sebarang halangan bagi Konsortium Sukarelawan Bangsa Angkasa untuk meneruskan hasrat murni mereka.

Segala perhatian dan pertimbangan pihak Tuan/Puan, saya dahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Salam hormat,

(KHAIRY JAMALUDDIN)